

SIRAH: ERA MASYARAKAT JAHILIAH (BUKU TEKS MUKASURAT 151)

JAWAB SEMUA SOALAN

1. Jahiliah ialah perkataan Bahasa Arab جهل yang bermaksud:
 - i. bodoh
 - ii. tidak tahu
 - iii. jahil
 - iv. jahat
 - A. i,ii dan iii
 - B. ii,iii dan iv
 - C. i,ii dan iv
 - D. i,iii dan iv
2. iaitu menganut ajaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan mencampuradukkannya dengan penyembahan berhala.
 - A. Jahil akidah
 - B. Jahil ibadah
 - C. Jahil sirah
 - D. Jahil akhlak
3. Jahil akhlak ialah mereka banyak melakukan perilaku buruk seperti.....
 - A. menyanyi
 - B. berjudi
 - C. minum kopi
 - D. menindas kanak-kanak
4. Kejahilan masyarakat Arab Ketika itu bukan bermaksud mereka tidak berilmu, mereka terkenal dengan kehebatan.....
 - A. jahil akidah
 - B. jahil ibadah
 - C. bernyanyi
 - D. berqasidah

Tuliskan jawapan dibawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai pernyataan yang diberikan.

Agama Yahudi	Agama Nasrani	Kepercayaan Majusi	Kepercayaan Animisme	Agama Hanif	Agama Penyembah Berhala
--------------	---------------	--------------------	----------------------	-------------	-------------------------

5. Setiap benda mempunyai roh dan semangat.
6. Agama yang diubah suai daripada ajaran Nabi Musa as mengikut keinginan para penganutnya.
7. Terdapat 360 berhala disekitar Kaabah Ketika pembukaan Mekah oleh Rasulullah SAW.

8. Percaya kepada dosa dan pahala.
9. Agama yang diubah suai daripada ajaran Nabi Isa as.
10. Percaya kepada hari kebangkitan dan hidup sesudah mati.
11. Golongan penyembah api.
12. Kepercayaan menyembah alam seperti menyembah pokok.
13. Diperkenalkan oleh Amru bin Amir bin Luhai.
14. Percaya kepada Allah Tuhan yang satu.
15. Mereka banyak memfitnah para Nabi dan menolak ajaran Nabi Muhammad SAW dan kebanyakan mereka datang dari Palestin ke negara Arab.
16. Masyarakat Arab Jahiliah terkenal dengan perilaku buruk, namun mereka juga mempunyai perilaku yang baik.

Bezakan diantara perilaku baik atau buruk berikut bagi masyarakat Arab Jahiliah

Bil	Pernyataan	Baik/Buruk
a.	Berperang kerana peerkara kecil	
b.	Membunuh anak-anak perempuan	
c.	Menepati janji	
d.	Mengamalkan bigami	
e.	Menghormati tetamu	
f.	Taat kepada pemimpin	
g.	Menghormati bulan-bulan haram	
h.	Penzinaan berleluasa	
i.	Tidak mengahwini mereka yang ada pertalian darah	
j.	Berjudi dan minum arak	
k.	Menjaga kebersihan mulut dan kuku	
l.	Mengamalkan tenung nasib	

17. Rasulullah SAW telah diutuskan dalam kalangan masyarakat Arab dan untuk umat manusia kerana:
- i. mentauhidkan Allah
 - ii. membaca al-quran
 - iii. memperbetulkan akhlak
 - iv. menghapuskan zina
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iii
18. Masyarakat Jahiliah mudah dilentur kerana mereka
- A. buta huruf
 - B. berakhlak buruk
 - C. suka berperang
 - D. minum arak
19. Semenanjung Arab terletak di antara..... Kuasa besar dunia iaitu Rom, Parsi, Greek dan India.
- A. dua
 - B. tiga
 - C. empat
 - D. lima
20. Masyarakat Arab Jahiliah juga suka mengamalkan.....
- A. syirik
 - B. khurafat
 - C. sihir
 - D. murtad